# Kertas Bil. 10/2024

**MAKLUM BALAS PENYATA YANG TELAH DIBENTANGKAN SEMASA MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA DEWAN NEGERI SELANGOR YANG KELIMA BELAS**

**PADA 27 FEBRUARI - 29 FEBRUARI, 1 MAC, 4 MAC - 7 MAC 2024**

---

**PENYATA JAWATANKUASA PILIHAN KHAS**

**MENGENAI PERUBAHAN IKLIM, KEBAJIKAN, KESIHATAN,**

**PENDIDIKAN, PEMBANGUNAN KELUARGA, AGAMA DAN WANITA**

**SERTA KESEJAHTERAAN HIDUP (JPK – SEJAHTERA)**

**BERHUBUNG PUSAT ADAPTASI PERUBAHAN IKLIM**

**NEGERI SELANGOR**

**KERTAS BILANGAN 6/2024**

---

**MAKLUM BALAS PENYATA JAWATANKUASA PILIHAN KHAS MENGENAI PERUBAHAN IKLIM, KEBAJIKAN, KESIHATAN, PENDIDIKAN, PEMBANGUNAN KELUARGA, AGAMA DAN WANITA SERTA KESEJAHTERAAN HIDUP (JPK-SEJAHTERA) BERHUBUNG PUSAT ADAPTASI PERUBAHAN IKLIM NEGERI SELANGOR YANG TELAH DIBENTANGKAN SEMASA MESYUARAT PERTAMA (PEMBUKAAN) PENGGAL KEDUA DEWAN NEGERI SELANGOR YANG KELIMA BELAS PADA 27 FEBRUARI 2024 HINGGA 07 MAC 2024**

| BIL | TAJUK PENYATA | SARANAN | | DITERIMA | DITOLAK | ULASAN/ TINDAKAN MMKN |
|---|---|---|---|---|---|---|
| Kertas Mesyuarat Bilangan 06 / 2024 | **PENYATA JAWATANKUASA PILIHAN KHAS MENGENAI PERUBAHAN IKLIM, KEBAJIKAN, KESIHATAN, PENDIDIKAN, PEMBANGUNAN KELUARGA, AGAMA DAN WANITA SERTA KESEJAHTERAAN HIDUP (JPK-SEJAHTERA) BERHUBUNG PUSAT ADAPTASI PERUBAHAN IKLIM NEGERI SELANGOR** | 5.1 | Jawatankuasa mendapati rancangan dan skop kerja Pusat Adaptasi Perubahan Iklim seperti yang dibentangkan oleh YB EXCO boleh ditambah baik dan terdapat keperluan untuk adanya rancangan adaptasi perubahan iklim yang menyeluruh di peringkat Kerajaan Negeri Selangor. | √ | | Mesyuarat Bagi Membincangkan Cadangan Penubuhan Pusat Adaptasi Perubahan Iklim pada 21 Mac 2024 yang dipengerusikan oleh YAB Dato' Menteri Besar telah membincangkan mengenai konsep dan struktur cadangan Pusat ini.<br><br>Setelah penelitian dan perbincangan dijalankan, berikut adalah perincian cadangan penubuhan yang akan diangkat untuk kelulusan dasar MMKN:<br><br>▪ Pusat Adaptasi Perubahan Iklim Negeri Selangor berperanan sebagai **entiti utama** yang mencadangkan langkah adaptasi dan mitigasi perubakan iklim dan inisiatif hijau secara keseluruhan di negeri ini serta Pihak Berkuasa Tempatan.<br><br>▪ Pusat ini akan menjalankan peranan sebagai **organisasi peneraju** dalam memperkasakan tindakan |

Y.B. PUAN JAMALIAH BINTI JAMALUDDIN
AHLI MAJLIS MESYUARAT KERAJAAN NEGERI SELANGOR DARUL EHSAN
EXCO KESIHATAN AWAM & ALAM SEKITAR
TINGKAT 2, BANGUNAN SSAAS
40503 SHAH ALAM
TEL: 603-5544 7623

| BIL | TAJUK PENYATA | SARANAN | | DITERIMA | DITOLAK | ULASAN/ TINDAKAN MMKN |
|---|---|---|---|---|---|---|
| | | | | | | mitigasi dan adaptasi perubahan iklim yang berorientasikan keberhasilan melalui kepakaran serta perancangan strategik secara inovasi dan produktif daripada aspek seperti teknologi hijau dan tenaga boleh diperbaharui serta penyelidikan dan pembangunan berkaitan risiko impak perubahan iklim yang berlaku di Negeri Selangor seperti banjir dan kebakaran hutan.<br><br>▪ Berikut adalah fungsi yang akan dicadangkan kepada Pihak Berkuasa Negeri (PBN):<br><br>(i) Pelaksanaan Dasar Negeri:<br><br>- Berkolaborasi dengan pihak berkepentingan seperti Jabatan/Agensi Negeri untuk melaksanakan dasar-dasar yang berkaitan |

Y.B. PUAN JAMALIAH BINTI JAMALUDDIN
AHLI MAJLIS MESYUARAT KERAJAAN NEGERI SELANGOR DARUL EHSAN
EXCO KESIHATAN AWAM & ALAM SEKITAR
TINGKAT 2, BANGUNAN SSAAS
40503 SHAH ALAM
TEL: 603-5544 7623

| BIL | TAJUK PENYATA | SARANAN | | DITERIMA | DITOLAK | ULASAN/ TINDAKAN MMKN |
|---|---|---|---|---|---|---|
| | | | | | | dengan adaptasi perubahan iklim;<br>- Bekerjasama dengan entiti lain di peringkat negeri, nasional, dan antarabangsa untuk bertukar-tukar pengetahuan dan pengalaman dalam bidang adaptasi dan mitigasi perubahan iklim.<br><br>(ii) Penyelidikan Dan Penilaian:<br><br>- Melaksanakan penyelidikan dan penilaian menyeluruh untuk memahami kesan semasa dan jangkaan perubahan iklim ke atas Negeri Selangor.<br><br>(iii) Pembangunan Kapasiti:<br><br>- Meningkatkan pengetahuan dan |

Y.B. PUAN JAMALIAH BINTI JAMALUDDIN
AHLI MAJLIS MESYUARAT KERAJAAN NEGERI SELANGOR DARUL EHSAN
EXCO KESIHATAN AWAM & ALAM SEKITAR
TINGKAT 2, BANGUNAN SSAAS
40503 SHAH ALAM
TEL: 603-5544 7623

| BIL | TAJUK PENYATA | SARANAN | | DITERIMA | DITOLAK | ULASAN/ TINDAKAN MMKN |
|---|---|---|---|---|---|---|
| | | | | | | kemahiran masyarakat, Jabatan/Agensi Kerajaan dan sektor perniagaan dalam menghadapi cabaran perubahan iklim.<br><br>(iv) Pemantauan dan Penilaian<br><br>- Memantau pelaksanaan pembangunan mampan dan inisiatif hijau, serta menilai kesan tindakan yang diambil dalam konteks perubahan iklim.<br><br>(v) Penglibatan Komuniti:<br><br>- Menggalakkan kesedaran dan keterlibatan masyarakat dalam usaha adaptasi perubahan iklim dan pengurusan sumber alam. |

Y.B. PUAN JAMALIAH BINTI JAMALUDDIN
AHLI MAJLIS MESYUARAT KERAJAAN NEGERI SELANGOR DARUL EHSAN
EXCO KESIHATAN AWAM & ALAM SEKITAR
TINGKAT 2, BANGUNAN SSAAS
40503 SHAH ALAM
TEL: 603-5544 7623

| BIL | TAJUK PENYATA | SARANAN | | DITERIMA | DITOLAK | ULASAN/ TINDAKAN MMKN |
|---|---|---|---|---|---|---|
| | | | | | | ▪ Struktur yang akan dicadangkan untuk mengurus, memantau dan membuat saranan kepada pihak Negeri dalam isu perubahan iklim adalah seperti berikut:<br><br>i) **Majlis Tindakan Perubahan Iklim Negeri Selangor (IKLIMSELANGOR)** sebagai **platform utama kepada negeri** bagi penetapan dasar, perancangan dan hala tuju berkaitan perubahan iklim serta memberikan saranan terhadap isu dan program berkaitan alam sekitar di Negeri Selangor.<br><br>ii) **Pusat Adaptasi Perubahan Iklim** sebagai organisasi yang menyokong pelaksanaan dasar dan program/ |

Y.B. PUAN JAMALIAH BINTI JAMALUDDIN
AHLI MAJLIS MESYUARAT KERAJAAN NEGERI SELANGOR DARUL EHSAN
EXCO KESIHATAN AWAM & ALAM SEKITAR
TINGKAT 2, BANGUNAN SSAAS
40503 SHAH ALAM
TEL: 603-5544 7623

| BIL | TAJUK PENYATA | SARANAN | DITERIMA | DITOLAK | ULASAN/ TINDAKAN MMKN |
|---|---|---|---|---|---|
| | | | | | inisiatif/kempen berkaitan alam sekitar dan perubahan iklim di peringkat negeri.<br><br>iii) **Unit Pengurusan Bencana Negeri (UPBN)** turut akan diletakkan di bawah struktur ini yang akan berperanan untuk menyelaras aktiviti semasa dan selepas bencana serta memastikan kesiapsiagaan Jabatan/Agensi Negeri dalam menghadapi bencana.<br><br>▪ **Kertas Pertimbangan MMKN** akan disediakan untuk kelulusan dasar penubuhan Pusat Adaptasi Perubahan Iklim Negeri Selangor pada **Julai 2024**. |

Y.B. PUAN JAMALIAH BINTI JAMALUDDIN
AHLI MAJLIS MESYUARAT KERAJAAN NEGERI SELANGOR DARUL EHSAN
EXCO KESIHATAN AWAM & ALAM SEKITAR
TINGKAT 2, BANGUNAN SSAAS
40503 SHAH ALAM
TEL: 603-5544 7623

| BIL | TAJUK PENYATA | SARANAN | | DITERIMA | DITOLAK | ULASAN/ TINDAKAN MMKN |
|---|---|---|---|---|---|---|
| | | 5.2 | Jawatankuasa menyarankan agar kerajaan dapat memastikan semua usaha-usaha adaptasi perubahan iklim diselaraskan oleh Pusat Adaptasi Perubahan Iklim yang akan ditubuhkan di Negeri Selangor ini dengan melibatkan **semua agensi dan jabatan kerajaan serta pemegang taruh yang berkaitan.** | √ | | ▪ Penglibatan semua Jabatan/Agensi Negeri dan Persekutuan serta pemegang taruh yang berkaitan akan menjadi sebahagian daripada organisasi ini melalui penglibatan dalam Majlis Tindakan IKLIMSELANGOR.<br><br>▪ Dasar Perubahan Iklim Negeri Selangor telah diluluskan secara dasar oleh MMKN pada 7 Jun 2024. Dalam melaksanakan dasar ini, penglibatan secara *whole-of-nation* dan komuniti diperlukan bagi mengukuhkan daya tahan terhadap risiko bencana. Pelan Tindakan Negeri yang dihasilkan akan menjadi rujukan kepada pihak berkepentingan dan pemegang taruh untuk melaksanakan tindakan/respon terhadap isu-isu perubahan iklim. |

Y.B. PUAN JAMALIAH BINTI JAMALUDDIN
AHLI MAJLIS MESYUARAT KERAJAAN NEGERI SELANGOR DARUL EHSAN
EXCO KESIHATAN AWAM & ALAM SEKITAR
TINGKAT 2, BANGUNAN SSAAS
40503 SHAH ALAM
TEL: 603-5544 7623

| BIL | TAJUK PENYATA | SARANAN | | DITERIMA | DITOLAK | ULASAN/ TINDAKAN MMKN |
|---|---|---|---|---|---|---|
| | | | | | | ▪ Disarankan juga setiap PBT perlu mempunyai Pelan Tindakan Perubahan Iklim Tempatan yang selari dengan dasar-dasar sedia ada.Ini adalah kerana, peluang untuk pelaksanaan mitigasi dan adaptasi perubahan iklim, serta pengurangan risiko bencana secara bersepadu adalah paling optimum di peringkat tempatan, khususnya di bandar. |
| | | 5.3 | Bidang-bidang yang harus diberikan tumpuan oleh Pusat Adaptasi Perubahan Iklim meliputi aspek berikut:<br><br>5.3.1 pelaksanaan rancangan melindungi kawasan penanaman padi yang berisiko ditenggelami air atau kekurangan air,<br>5.3.2 risiko banjir di kawasan bandar/ perumahan di kawasan luar bandar<br>5.3.3 memastikan sumber air terjamin dengan memantau | √ | | ▪ Pusat Adaptasi Perubahan Iklim Negeri Selangor berperanan sebagai entiti utama yang memantau pelaksanaan pembangunan mampan serta meningkatkan kesedaran, kapasiti, ketahanan Selangor terhadap perubahan iklim dan inisiatif hijau secara keseluruhan di negeri ini.<br><br>▪ Pusat Adaptasi Perubahan Iklim Negeri Selangor berperanan: |

YB PUAN JAMALIAH BINTI JAMALUDDIN
AHLI MAJLIS MESYUARAT KERAJAAN NEGERI SELANGOR DARUL EHSAN
EXCO KESIHATAN AWAM & ALAM SEKITAR
TINGKAT 2, BANGUNAN SSAAS
40503 SHAH ALAM
TEL: 603-5544 7623

| BIL | TAJUK PENYATA | SARANAN | DITERIMA | DITOLAK | ULASAN/ TINDAKAN MMKN |
|---|---|---|---|---|---|
| | | paras empangan akibat kemarau,<br>5.3.4 memastikan keselamatan dan fungsi semua infrastruktur utiliti terjamin, seperti loji rawatan dan rumah pam air, sistem pembentungan, loji janakuasa elektrik, sistem komunikasi, dan sistem-sistem berkaitan,<br>5.3.5 menangani kesan perubahan iklim berkaitan kenaikan paras air laut,<br>5.3.6 memastikan aspek pertanian yang berisiko terancam kesan daripada perubahan iklim yang disebabkan daripada perubahan taburan air hujan dan kenaikan suhu,<br>5.3.7 memastikan kelestarian aktiviti perikanan<br>5.3.8 memastikan keterjaminan fungsi perkhidmatan-perkhidmatan awam terutama di kawasan bandar. | | | - Memastikan kadar pelepasan gas rumah hijau (GHG) selaras dengan Rancangan Selangor Pertama (RS-1);<br>- melaksanakan inisiatif berkaitan penggunaan produk-produk teknologi hijau ke arah pengurangan karbon;<br>- merancang, menyelaras dan mengawal pembangunan hijau mengikut perancangan pembangunan, dasar dan garis panduan dengan mengambilkira elemen perubahan iklim;<br>- mempromosi, meningkatkan pemahaman dan kesedaran awam dalam memperkasakan gaya hidup lestari dan mampan di pelbagai peringkat dan sektor;<br>- mengurus dan menyediakan pelaporan tahunan inventori |

Y.B. PUAN JAMALIAH BINTI JAMALUDDIN
AHLI MAJLIS MESYUARAT KERAJAAN NEGERI SELANGOR DARUL EHSAN
EXCO KESIHATAN AWAM & ALAM SEKITAR
TINGKAT 2, BANGUNAN SSAAS
40503 SHAH ALAM
TEL: 603-5544 7623

| BIL | TAJUK PENYATA | SARANAN | | DITERIMA | DITOLAK | ULASAN/ TINDAKAN MMKN |
|---|---|---|---|---|---|---|
| | | | | | | pelepasan karbon bagi penambahbaikkan perancangan pembangunan dan aktiviti hijau di Negeri Selangor;<br>- menyelaras aktiviti pasaran karbon kredit di peringkat negeri;<br>- menjalankan kajian dan penyelidikan berkaitan pengurusan alam sekitar dan risiko perubahan iklim; dan<br>- menyelaras dasar diperingkat negeri dan tempatan supaya ianya selaras dengan dasar/polisi negara.<br><br>▪ Dasar Perubahan Iklim Negeri Selangor yang telah dibangunkan oleh Kerajaan Negeri akan menjadi rujukan asas kepada pembangunan negeri dalam mengambil tindakan mitigasi dan adaptasi perubahan iklim secara menyeluruh. |

Y.B. PUAN JAMALIAH BINTI JAMALUDDIN
AHLI MAJLIS MESYUARAT KERAJAAN NEGERI SELANGOR DARUL EHSAN
EXCO KESIHATAN AWAM & ALAM SEKITAR
TINGKAT 2, BANGUNAN SSAAS
40503 SHAH ALAM
TEL: 603-5544 7623

| BIL | TAJUK PENYATA | SARANAN | | DITERIMA | DITOLAK | ULASAN/ TINDAKAN MMKN |
|---|---|---|---|---|---|---|
| | | | | | | ▪ Skop perancangan, tindakan adaptasi dan mitigasi secara menyeluruh merangkumi sektor-sektor utama iaitu:<br>- Keselamatan air dan sumber air;<br>- Pertanian dan keselamatan makanan;<br>- Kesihatan awam;<br>- Infrastruktur, tenaga dan persekitaran terbina (termasuk bandaraya);<br>- Gunatanah dan perubahan guna tanah;<br>- Pengurusan sisa;<br>- Pengangkutan;<br>- Perhutanan dan Biodiversiti;<br>- Perindustrian.<br><br>▪ Menyepadukan langkah-langkah adaptasi dan mitigasi yang seimbang ke dalam rancangan pembangunan negeri.<br><br>▪ Mewujud dan melaksanakan kajian dan pembangunan perubahan iklim; |

Y.B. PUAN JAMALIAH BINTI JAMALUDDIN
AHLI MAJLIS MESYUARAT KERAJAAN NEGERI SELANGOR DARUL EHSAN
EXCO KESIHATAN AWAM & ALAM SEKITAR
TINGKAT 2, BANGUNAN SSAAS
40503 SHAH ALAM
TEL: 603-5544 7623

| BIL | TAJUK PENYATA | SARANAN | | DITERIMA | DITOLAK | ULASAN/ TINDAKAN MMKN |
|---|---|---|---|---|---|---|
| | | | | | | ▪ Menilai semula hasil pembangunan sedia ada/baharu dan mengenal pasti punca berlakunya ketidaktentuan monsun susulan daripada pembangunan tersebut yang boleh memberikan impak secara langsung kepada isu perubahan iklim; dan<br>▪ Membentuk gaya hidup hijau dalam kalangan semua lapisan masyarakat ke arah pembangunan mampan secara holistik melalui program-program kelestarian alam sekitar. |

Diluluskan oleh:

..........................................................................

**(YB PUAN JAMALIAH BINTI JAMALUDDIN)**
EXCO Kesihatan Awam dan Alam Sekitar Negeri Selangor

Y.B PUAN JAMALIAH BINTI JAMALUDDIN
AHLI MAJLIS MESYUARAT KERAJAAN NEGERI SELANGOR DARUL EHSAN
EXCO KESIHATAN AWAM & ALAM SEKITAR
TINGKAT 2, BANGUNAN SSAAS
40503 SHAH ALAM
TEL: 603-5544 7623